

# Boleh jadi ancaman muflis kepada orang ramai jika tidak dikawal

**SHAH ALAM** - Konsep perniagaan beli sekarang bayar kemudian (BNPL) yang semakin meluas ketika ini boleh menjadi ancaman muflis kepada masyarakat terutama golongan muda jika tidak dikawal dengan baik.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, kaedah yang pada dasarnya bertujuan memudahkan pengguna membuat pembelian boleh bertukar menjadi perangkap hutang sekiranya digunakan dengan cara salah.

"Konsep BNPL ini sebenarnya hampir sama dengan penggunaan kad kredit. Bezanya kad kredit ini digunakan oleh mereka yang mempunyai kadar pendapatan tertentu yang diletakkan pihak bank.

"Berbeza pula dengan kaedah ini apabila semua pihak boleh membeli walaupun tidak mempunyai wang yang mencukupi, namun disebabkan cara ini membolehkan mereka membuat pembelian dahulu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Mohamad Fazli, trend tersebut dibimbangi akan menyebabkan orang ra-



MOHAMAD FAZLI

mai berhutang melebihi pendapatan mereka, malah lebih parah apabila menjadi budaya dalam kalangan pelajar yang belum mempunyai pendapatan sendiri.

"Perlu diingat bahawa cara membeli yang betul adalah mengikut keperluan, bukan kehendak. Perkara inilah yang kita perlu didik masyarakat untuk elak dibebani hutang," katanya.

Mohamad Fazli yang juga pakar kewangan pengguna berkata, tindakan penyedia platform yang menawarkan kaedah BNPL dengan kadar pembelian sehingga mencecah ribuan ringgit juga mendorong orang ramai berbelanja hingga melebihi pendapatan.

Ujar beliau, situasi itu berbahaya kepada mereka yang gemar berbelanja kerana terikut-ikut dengan rakan sekeliling, meskipun barang yang dibeli bukan keperluan buatnya.

"Semua pihak perlu kembali kepada sikap berbelanja mengikut keperluan dan sedar tahap kewangan masing-masing supaya tidak terjerumus dengan beban hutang pada usia muda," katanya.